KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPN PAHANG			



Anggota pengkuat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang memeriksa kayu yang dipindah disyaki menggunakan pas palsu dalam serbuan di sebuah kilang papan dekat Tersang, kelmarin. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Dalang cuba pindah 206 tual balak diburu

JPNP mengesyaki lelaki guna pas pemindahan palsu

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Raub: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) kini memburu dalang yang cuba memindahkan 206 tual balak bersaiz 2.4 meter susulan serbuan di kilang papan dekat Tersang, kelmarin.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad, berkata dalam serbuan itu anggota Unit Penguatkuasaan (UPK) Zon Pahang Barat menemui longgokan balak yang mencurigakan sebelum membuat pemeriksaan lanjut.

Katanya, pemeriksaan kemudian menemui satu pas pemindah yang mencurigakan dan dipercayai palsu, manakala semakan menggunakan lampu ultra ungu pada pas pemindah berkenaan tidak mempunyai ciri khas keselamatan ditetapkan JPNP.

"Antara maklumat tercatat pada pas pemindah berkenaan ialah pemandu lori seorang lelaki berusia 59 tahun beralamat di Kampung Kecau Tui, Lipis dan lori terbabit melalui balai pemeriksaan sementara di Bukit Betong, Lipis.

"Anggota penguat kuasa yang membuat pemeriksaan terhadap 206 tual balak dibawa menggunakan pas pemindah berkenaan tidak menemui tanda tukul hasil dan tukul harta pada permukaan kayu.

"Susulan itu, kami menyita balak terbabit dan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub.

"Seorang lelaki yang bertindak sebagai ejen menjual balak berkenaan turut ditahan sebelum dilepaskan dengan jaminan polis," katanya, semalam.

Nor Azirim berkata, pihaknya kini berusaha mengesan dalang yang terbabit menghasilkan pas pemindah palsu berkenaan.

Beliau berkata, penggunaan pas pemindah palsu merugikan jabatan dan kerajaan negeri kerana pemilik tidak membayar cukai ditetapkan.

"Kami tidak akan berkompromi dengan pihak melakukan apa juga kesalahan termasuk menggunakan pas pemindah palsu kerana perbuatan itu menyebabkan kerugian pada kerajaan negeri," katanya.